

# **TRADISI DAN REFORMASI PENDIDIKAN**

## **DAN PENYEBARAN DAKWAH ISLAM DI SELATAN THAI**

**Abdullah Uma**

Asst.Prof. Dr.(Lecturer Master of Political Science (Government)

Faculty of Liberal Arts and Social Science Fatoni University

---

### **Abstrak**

<b>Keywords:</b> Tradition, Educational Reform and the spread of Islamic da'wah in the South of Thailandl	<i>This article aims to study the educational refinement of Islamic propaganda education led by Sheikh Professor Doctor Ismail Lutfi Japakia in South Thailand. It has several methods for spreading it. What is important is his efforts to teach As-Sunah related approaches. This article turns out that in preparing and refining the education and dissemination of Islamic preaching in South Thailand, Sheikh Professor of Medicine Ismail Lutfi Japakia is trying to use a variety of methods, but popular ones include 'teaching through the Council', 'lectures', 'writing works', 'held a seminar', and so on. Manhaj in his dissemination is based on the Qur'an and Al-Hadith as the main principles in modern science. In conclusion, modern science based on the As-Sunnah and the Qur'an is at the core of the reform of Islamic teachings.</i>
---	---

### **Pendahuluan**

Ada banyak kajian tentang pendidikan Islam di selatan Thai. Kajian tersebut kebanyakannya menunjukkan keadaan yang tidak berkaitan tentang bagaimana sekolah Islam dipandang oleh pihak kerajaan dan dipandang oleh masyarakat Islam Melayu. Pada pandangan yang sempit pihak kerajaan, beberapa hipotesis menunjukkan bahawa fahamannya terhadap sekolah-sekolah Islam di selatan Thai itu sebagai badan yang menyokong pihak-pihak pemisah berbentuk adap Melayu. Sistem pendidikan, mengutamakan agama sebagai skim mutlak, berperanan mengatasi akademik dan latihan vokasional. Skim tersebut (pendangan oleh pihak kerajaan) tidak ada persiapan untuk menjadikan pelajar sebagai pembantu yang berguna dalam masyarakat Thai modern. Pandangan inilah menjadi ruang perselitian antara identiti pihak kerajaan Thai dan identiti pihak orang Melayu. Mengikut fahaman kerajaan Thai, sekolah-sekolah pendidikan agama adalah pusat yang mendidik angakatan-angkatan jenama radikal Islam yang berhak untuk melawan atau menentang pihak kerajaan Thai.

Sebaliknya, pandangan masyarakat Melayu Muslim tempatan pula, pendidikan Islam sebagai pusat identiti Melayu Muslim berasal dari tamadun bertuturkata yang asing dan bebas

sebagai ‘kingdom of Patani’. Mengikut rakyat tempatan, pendidikan Islam disebarluaskan di kelangan institusi-institusi pondok dan sekolah-sekolah agama tradisi Islam itu diwarisi sebagai institusi kunci yang menyerapi di dalam jiwa masyarakat Melayu, dan mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam.

Walaupun demikian, perselisihan persepsi tersebut, tendensi perspektif kedua-dua pihak itu menunjukkan jelas bahawa masyarakat Muslim dan pendidikan Islam sebagai identiti *monolithic*. Untuk melaksanakannya itu, kesusasteraan yang memupok perspektif keatas mekanisma dalam pendidikan Islam di selatan Thai menjadi implikasi penting untuk mencari jalan dalam memahami peristiwa perselisihan di selatan Thai. Perbincangan ini bertujuan untuk mengupas sebagian daripada perubahan-perubahan dan haluan-haluan tersebut dalam cadangan-cadangan yang di kemukakan untuk membangun pendidikan-pendidikan Islam yang berkaitan dengan persoalan sejarah dan identiti Melayu Muslim di selatan Thai.

## Pembahasan

### **Islam, Sejarah, Dan Tradisionalisme**

Mengikut sejarah, ‘Kingdom of Patani’ menliputi kawasan berbentuk geografi yang sekarang ini adalah wilayah-wilayah termasuk Pattani, Yala, dan Narathiwat di selatan Thai. Ia terkenal sebagai *Dar’al Islam* pada abad yang ke 16 dan 18. Dalam masa yang sama, Patani terkenal sebagai pusat perdagangan dan perniagaan yang subur, tempat yang pedagang-pedagang Asia Tenggara datang untuk berjumpa dan berbelibelah dan bertukar barang masing-masing dengan pedegang-pedagang dari Asian dan Eropah.

Yang pentingnya disini, bagaimanakah Patani Darussalam pada zaman itu melayakkan diri sebagai pusat pendidikan Islam di rantau Asia Tenggara—mengembangkan jumlah ulama-ulama yang dinamakan sumber Islam di Asia Tenggara (Hasan Mardman, 1999). Sekolah-sekolah pondok di selatan Thai, institusi-institusi tradisi pendidikan Islam yang cemerlang di dunia Melayu, berperanan penting mendirikan sekolah dan menjaga nama baik mereka.

Pada awal abad ke 20an, bermulalah sekali lagi semangat yang membangunkan agama di dunia Muslim, dan kawasan Patani lah yang mempunyai jumlah terbesar sekolah-sekolah pondok di Malay Peninsula, mendorong pelajar-pelajar dari seluruh rantau Asia Tenggara. Mengikut pentadbiran dalam menyatukan pemerintah Siam ke atas kawasan di bawah naungan ‘Patani Kingdom’ pada 1909 selepas perjanjian ‘Anglo-Siamese Treaty’, perjuangan penentang di selatan Thai yang diketuai oleh feudal ‘Malay elites’ bermula dengan tidak

setuju tentang perubahan itu. Golongan feudal ‘Malay elites’ inilah yang mengetuai Melayu Muslim menentang Bangkok pada separoh awal abad ke 20an. Tambahan, pemberontakan menentang kerajaan pusat demikian pula disokong dan diperanan sebagai kunci yang jelas oleh ketua-ketua agama. Pada masa itu, kerajaan Siam cuba untuk mengawal institusi-institusi tradisi seperti pondok dan perhakiman syariah, tulang belakang pendidikan dan perhakiman masyarakat Melayu, ia sekaligus menghancurkan harapan guru-guru agama dan kodhi-kodhi, pucuk kepimpinan undang-undang berbentuk budaya-agama dalam pergerakan menentang penyatuhan wilayah-wilayah selatan kedalam Negara Siam. Ketua-ketua agama tersebut disokong pula oleh pergerakan-pergerakan reformasi dalam awal abad ke 20an yang menyibarkan hasratnya keseluruh dunia Melayu. Dalam perbincangan reformasi nanti dapat menyaksikan bagaimakah kegiatan-kegiatan pihak berkuasa kerajaan pusat untuk menukar pendirian-penrian dan ketegasan-ketegasan umat-umat Melayu Muslim dan juga apakah reaksi dari mereka.

### **Muncul Pergerakan Reformasi Di Selatan Thai--Haji Sulong Abdul Kadir**

Pergerakan reformasi di selatan Thailand yang dipimpin oleh Haji Sulong Abdul Kadir sedang berkembang. Haji Sulong belajar di Pondok Haji Abdul Rashid di Kampong Sungai Pandang, Patani, untuk pendidikan *fardhu-ain* sebelum berpindah ke Mekah dan belajar di *Ma’ahad Dar al-Ulum*, kemudian *Ma’ahad* ini terkenal sebagai institusi pelajar bercakapan Melayu di Mekah. Pada beberapa tahun kemudian *Ma’ahad* ini menjadi tarikan Haji Sulong untuk mendalami ilmu Islam. Beliau akhirnya muncul sebagai tokoh reformasi, pendidikan Islam modern, dan pemikiran Islam di selatan Thailand. Pada awal-awal tahun di Mekah, Haji Sulong menubuhkan aliran pendidikan agama secara rasmi, terutamanya mengarang buku-buku beliau dalam bentuk buku klasik. Di Ma’ahad Darul al-Ulum, Haji Sulong diajar ilmu sains tradisi dan tafsir Al-Qur'an. Walaupun sedemikian, dalam masa yang sama beliau memperkenalkan diri dengan memberi penjelasan tentang pemikiran reformasi sebagai hasil dorongan normatif melalui pergaulan masyarakat dan membicarakan dengan orang-orang alim pengikut pendapat Muhammad Abduh.

Di Mekah, beliau telah diperkenalkan oleh orang-orang alim Melayu untuk bersama dalam halaqah berbahasa Melayu dalam Masjid Al-haram. Di kalangan orang-orang alim yang rapat dengan beliau adalah Syeikh Wan Ahmad bin Mohaed Zain al Fatani dan Tok Kenali, tokoh-tokoh alim ulama Patani pada waktu itu.

Tambahan, dalam mengikuti halaqah Melayu di Saudi Arabia, Haji Sulong juga berhubungkait dengan orang-orang alim Mesir, pada musim berkumpul menunai fardhu haj,

ramai yang dari pembaharu-pembaharu (reformists) dan pemodeern-pemodeon (modernist) kenamaan. Haji Sulong sebelum ini muncul sebagai penentang nasionalisma dalam *anti-colonial Melayu Muslim*. Semangat tersebut timbul dalam diri beliau berpunca dari dorongan meluaskan interest dalam nasionalisma Arab yang tersibar keseluroh Arabian Peninsula pada waktu itu. Haji Sulong menyerapi pemikiran Islam melalui pemodeern-pemodeon nasionalisma Mesir. Beliau didorong oleh ideologi tokoh pembaharu Abduh, bersama-sama dengan pemikiran Jamaluddin al-Afghani (1839-9), yang dikenali sebagai “Awakener of the East”, melalui pertukaran pemikiran Islamist dan intelek (*intellectual*) Mesir, dan kaedah asas tentang bagai mana ulama-ulama menarujui perjuangan untuk mendapatkan keadilan untuk ummah (Rakyat Muslim) dari keadaan sosio-politik di kalangan Arab.

Bersama dengan hasil yang aktif dalam nasionalisma Melayu Muslim, Haji Sulong bermula menambahkan peranan beliau sebagai ulama mengajar agama dan digabongkan dengan lingkungan sosio-politik. Sebaliknya, dengan pendirian beliau yang mirip kepada politik yang aktif dan sosial sudah menyerapi ke dalam jiwa beliau, akhirnya beliau diangkat ke peringkat pemimpin Melayu Muslim yang terkenal di selatan Thailand sejak 1920an. Beliau dipenjara kerana tuntutan autonomi untuk rakyat Melayu dalam 1947 (dikenali sebagai tujuh tuntutan), keluar dari penjara pada 1952, selepas itu beliau meninggal dunia dibawah tangkapan polis pada 1954.

## **Pergerakan Reformasi Masih Hidup—Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakiajapakiya.**

### **Pengenalan Tokoh “Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia Japakia”**

Pergerakan reformasi yang di ketuai oleh Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi JapakiaJapakiaJapakiaagak berlainan dalam bentuk strategi sekira dibandingkan dengan Haji Sulong. Ismail dapat kelulusan doktor falsafah dalam bidang syariah pada 1986 dari Islamic University of Imam Muhammad bin Saud, Saudi Arabia. Beliau terkenal sebagai ahli pembaharu pendidikan Islam (reformist/modernist Muslim educator) di Thailand pada hari ini. Usaha beliau disokong oleh banyak pihak. Beliau buat perhubungan dengan berbagai organisasi-organisasi kepentingan atas miliki kerajaan Saudi. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia adalah tokoh yang menubuhkan beberapa mata pelajaran dalam sekolah-sekolah agam Islam dan juga meluaskan pergerakan pembaharuan (reformist) di Thailand. Beliau seorang tokoh ulama pembaharu (*reformist*) termasyhor yang berbeza dari Haji Sulong. Dalam punchak kemegahan beliau, Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia dapat

sokongan kewangan kuat dari kerajaan Saudi Arabia dan zakat-zakat berhubungkait dengannya untuk mendiri berbagai masjid dan sekolah-sekolah pembaharuan Islam yang bermodel madrasah.

Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia adalah seorang ulama terkemuka di Selatan Thailand. Namanya tidak asing dalam kalangan umat Melayu Selatan Thailand khususnya dan di seluruh Thailand umumnya. Bahkan beliau juga terkenal di dunia Arab sebagai penggerak dakwah Islamiah atau *Reform Movement* termasyhur di Selatan Thailand.

Nama penuh beliau ialah Ismail bin Abdulrahman bin Abdullatif Japakia. Beliau dikenali juga dengan panggilan “Syeikh Doktor Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi JapakiaJapakia” dan ada juga yang memanggil beliau dengan panggilan “Haji Syeikh Doktor Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia Japakia”

### **Pandangan Mengenai Kewajipan Berdakwah**

Pemikiran beliau bahawa pengajian ilmu wahyu dan pelaksanaan amal dakwah Islamiah dalam rangka “*iqamatu al-din*” melalui beberapa usaha antara lain ialah :

1. Membina manusia dengan amal *Islami* yang diasaskan di atas ilmu dan iman yang sebenar dari wahyu Allah(□) : al-Quran dan al-Sunnah melalui penerangan ulama yang *mu'tabarin*.
2. Mengsunnahkan segala amalan umat dan beramal mengikut sunnah Rasul dan amalan para Khulafa' al-Rashidin.
3. Menghidupkan ilmu dengan dakwah dan menegakkan dakwah dengan ilmu.
4. Dakwah manusia kepada agama Islam yang berdasarkan kepada ‘aqidah dan shari ‘ah.
5. Menegakkan *ukhuwah Islamiah* di atas asas *i'tisam bi hablillah*.

### **Pergerakan Dawah Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani**

Pergerakan dakwah Islamiah yang diketuai oleh Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia di Thailand mempunyai signifikan yang tersendiri. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Syariah pada 1986M dari Islamic University of Imam Muhammad bin Saud, Saudi Arabia.

Beliau juga terkenal sebagai ahli pembaharuan pendidikan Islam di Thailand pada hari ini. Usaha beliau disokong oleh banyak pihak kerana beliau membuat perhubungan dengan pelbagai organisasi penting asas yang dimiliki oleh kerajaan Saudi. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia adalah tokoh yang mengasaskan pembelajaran beberapa buah mata pelajaran di sekolah-sekolah agama Islam dan juga meluaskan pergerakan pembaharuan

(*reformist*) di Thailand. Beliau merupakan seorang tokoh ulama pembaharu (*reformist*) termasyhur. Dalam puncak kemegahan beliau, Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia mendapat sokongan kewangan kuat dari kerajaan Saudi Arabia dan menerima bantuan zakat untuk mendirikan berberapa buah masjid dan sekolah-sekolah pembaharuan Islam yang bermodelkan madrasah.

Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia adalah rektor Universiti Fatoni, yang menerajui pendidikan secara moden dan pusatnya terletak di Wilayah Pattani. Beliau juga sebagai pengetua di Sekolah Bamrung Islam-Mukim Pujud. Di masjid sekolah inilah tempat beliau mengajar setiap minggu di hadapan beribu-ribu orang penuntut secara terbuka. Hal ini membuktikan bahawa, beliau adalah seorang ulama dan juga seorang pendidik.

Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia berpandangan bahawa agenda pembaharuan (*reformist*) untuk mengubah dakwah Islamiah di Thailand adalah sebagai suatu usaha untuk memastikan kemajuan ilmu Islam di rantau Asia Tenggara. Beliau juga sebagai sumber yang tidak berdiam diri untuk berpandu peredaran Islam tradisional. Karisma dan kecekapan komunikasi Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia bangkit dalam peredaran tertentu dalam kalangan pertubuhan agama tradisional. Beliau sanggup bertembung dengan kaum yang takut kumpulan Islam akan menarik generasi-generasi pemuda. Usaha dakwah Islamiah yang tidak berdiam diri umat Muslim Patani ini ada kemungkinan dapat berkesan dan muncul perspektif-perspektif baru di kawasan Patani dan dihitung sebagai sejarah perkembangan ilmu-ilmu Islam di Asia Tenggara.

Dalam kebijaksanaan yang memotret Patani sebagai pusat cemerlang dalam dakwah Islamiah, Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia membantahkan ajaran-ajaran Islam mengikut nenek moyang yang tidak berasaskan al-Qur'an dan al-Hadis. Beliau mengatakan bahawa zaman-zaman Islam di Thailand (sebelum reformist) itu adalah dalam keadaan kekurangan ilmu. Mengikut beliau, kedatangan *reformist* Islam berpunca dari dua faktor iaitu asas dan hasil tambahan dalam ilmu.

Ringkasnya, pertelingkahan dalam masyarakat Muslim berbilang kaum di Selatan Thailand sudah menjadi identiti Muslim. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia berusaha menyebar dan mengajar pendekatan-pendekatan menurut Sunnah dan pengikutnya dapat diajar pendidikan Islam berbentuk reformasi. Usaha ini adalah sukar kerana terpaksa mengubahsuaikan tunjang pergerakan Islam yang sedia ada. Walaupun demikian, apa yang jelas, agenda Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia adalah untuk melahirkan golongan pembaharu, pemoden, dan pengatur asas (*reformist, modernist, and fundamentalist*). Beliau berjaya dalam usaha pembaharuan perakuan pembatasan-pembatasan pendidikan Islam tradisi

dan kepentingan-kepentingan untuk reformasi dalam membuat perhubungan dengan kemodenan. Pergerakan adalah pemoden kaedah yang bertujuan untuk integrasi berbagai tema pelajaran sekular seperti sains, teknologi, bisnes, dan kewangan itu dibawa masuk ke dalam sukanan pelajaran (kurikulum) sekolah-sekolah agama sebagai usaha beliau. Tambahan, agenda tersebut juga sebagai *fundamentalist* dalam kaedah menetapkan Islam, dan berasas kepada al-Qur'an dan al-Hadith, yang pembaharu percayakannya sebagai prinsip-prinsip utama dalam ilmu moden, sebagai inti pergerakan pembaharu-pembaharu ajaran Islam.

Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japaki adan kumpulan pembaharuan mencabar intelek dan idea-idea daripada amalan-amalan tradisional. Mereka tidak hanya merujuk kepada isu-isu Fiqh sahaja malah yang lebih diutamakan ialah yang berkaitan keyakinan tasawuf dan akhlak. Dengan itu, pengaruh pembaharuan terus berkembang tumbuh secara konsisten.

### **Metode Penyebaran Dakwah Islamiah Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani**

Di antara metode penyebaran dakwah Islamiah yang dijalankan oleh beliau adalah seperti berikut:

#### **1. Dakwah Islamiah menerusi Majlis Ilmi**

Majlis ilmi adalah satu metode dakwah Islamiah dalam usaha menyampai mesej dakwah kepada masyarakat umum disediakan untuk setiap lapisan masyarakat. Manhaj pengajiannya adalah tertumpu kepada al-Qur'an, al-Hadith dan isu-isu semasa. Penyebaran dijalankan pada setiap hari Sabtu bermula dari jam lapan setengah pagi hingga jam sepuluh setengah pagi bertempat di Masjid 'Abd al-Rahman Madrasah al-Rahmaniah, Pattani.

Di antara peranannya yang paling menonjol bagi Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani ialah Majlis Ilmi mingguan. (al-syura: 13) Majlis ini diasaskan oleh beliau pada 7 Rabi'a al-awal 1407H./1986M. dan dinamakan dengan " Majlis ilmi ". Sejak itu perlaksanaannya dakwah Islamiah melalui Majlis ilmi ini diteruskan hingga sekarang.

Majlis ilmi ini dihadiri oleh empat ribu atau lima ribu orang dari pelbagai kumpulan masyarakat tempatan sama ada para doktor, imam-imam masjid, pentadbir sekolah, pengurus kerajaan, pensyarah universiti dan masyarakat umum yang merupakan pengajian umum untuk semua lapisan masyarakat setiap hari Sabtu, bermula dari jam 8.45-10.45 pagi (Dan apabila Tuan guru tidak ada diganti oleh ayahnya Syeikh Abdul Rahman bin Abdul Latif Japakia, Utz.Ahmad Hussein al-Fariti, kadang-kadang diwakili oleh Ulama-ulama terkemuka sebagai gantinya) yang merupakan pengajian Majlis ilmi terbesar di kawasan ini.

Pada permulaan asasnya Majlis Ilmi melaksanakan dengan pengajian tafsir al-Quran bermula dari surah *al-'Alaq* mengikut tertib nuzulnya hingga kepada surah-surah panjang seperti surah al-Baqarah dan surah al-Maidah. Begitu juga surah-surah pendek dari lima juzuk akhir. Seterusnya diikuti pula dengan pengajian Hadith pada permulaan pengajian Majlis Ilmi dengan Hadith “Mutnu al-Arba‘ain al-Nawawi” dan diikuti dengan hadith-hadith lain mengikut suasana yang sepatut.

Justeru itu, Majlis Ilmi adalah satu metode dakwah Islamiah dan pengajian tambahan dalam bentuk umum yang disediakan untuk setiap lapisan masyarakat. Manhaj pengajiannya adalah tertumpu kepada al-Qur'an, al-Hadith dan isu-isu semasa.

## **2. Penyampaian Pada Hari kebesaran Islam**

### **2.1 Perayaan acara keagamaan**

Perayaan acara keagamaan Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani memberi ceramah pada hari-hari kebesaran peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman Nabi seperti minggu terakhir pada bulan Rejab. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani mengadakan majlis ceramah dan forum menjelaskan pentingnya Isra' Nabi dari Masjid al-Haram ke Masjid Aqsa dan al- Mikraj Nabi dari Masjid al-Aqsa ke langit.

### **2.2 Haflah mengingati *Hijrah al-Nabawi***

Haflah mengingati *Hijrah al-Nabawi* biasanya diadakan pada awal bulan Muharram setiap tahun. Pendakwah memberi bayangan tentang peristiwa Nabi di masjid-masjid supaya pendengar yang hadir dalam Haflah mengingati *Hijrah al-Nabawi* pemerhati peristiwa *Hijrah al-Nabawi* dan sebagai contoh dan model dalam kehidupan harian mereka. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani juga mengadakan Haflah mengingati *Hijrah al-Nabawi* ini untuk memberi penerangan kepada pelajar-pelajar dan masyarakat umum tentang pentingnya penghijrahan Nabi dan kelebihan, keutamaan puasa di hari kesepuluh bulan Muharram. Dan penyampaian ini menyebutkan juga tentang kepentingan penghijrahan Nabi dari Makkah ke Yatsrib atau Madinah. di mana penghijrahan adalah sebuah cara untuk membina negara Islam dan membina masyarakat Islam dengan membinanya sebuah masjid dan menjalankan mesej persaudaraan antara satu sama lain. Pengajaran dari peristiwa hijrah Nabi itu memberi erti dalam pembinaan dan pembangunan ummah ke arah membawa mesej atau *risalah al-Islam* dan dakwah Islamiah dari menyuruh berbuat kebaikan dan melarang kemungkaran hingga kepada hari kiamat.

### **2.3 Majlis sambutan *Ramadan al-Mubarak***

1. Majlis ini Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani juga diadakan sebagai Ceramah umum kepada pelajar-pelajar dan ahli Majlis Ilmi mingguan sekitar akhir bulan Sya'ban untuk pengingatan sebelum masuk bulan besar, bulan barakah, bulan Rahmat, dan bulan turun padanya al-Quran iaitu bulan *Ramadan al-Mubarak*. Antara mesej dakwah yang dicadangkan dalam majlis ini ialah :
2. Ceramah pada kesempatan Ramadan ini diadakan untuk mendidik dan memberi Ilmiah kepada pelajar-pelajar dan ahli majlis Ilmi bahawa bulan ini adalah bulan Mubarak ialah bulan yang di turun padanya al-Quran.
3. Memberi peringatan dengan hadith-hadith Nabi kepada pelajar-pelajar, ahli majlis Ilmi dan masyarakat umum mengenai bulan Ramadan ialah yang maha besar dan barakah.
4. Menyampaikan tentang cara-cara berpuasa mengikut Sunah Nabi.
5. Selain dari Majlis sambutan *Ramadan al-Mubarak* yang berbentuk ceramah, syarahan, dan forum ada juga ruangan nasihat umum dan tafsir sebelum solat tarawih di Masjid ‘Abadu al-Rahman.

### **2.4 Daurah-daurah Secara Khusus dan Umum**

*Daurah* secara khusus dan umum beliau mengarahkan supaya diadakan dalam masa satu hari atau dua, di antara topik yang di bahas dalam *daurah* ini ialah beberapa isu-isu keagamaan, isu-isu social dan pendidikan sehingga pelajar-pelajar juga masyarakat umum dapat memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam menghadapi cabaran semasa dalam masyarakat. *Daurah* umum diadakan untuk guru-guru sekolah, para pentadbir, ahli majlis ilmi dan masyarakat umum. Biasanya *daurah* ini diadakan di musim cuti sekolah. Antara tujuan lain ialah untuk kepentingan masyarakat tempatan dan orang-orang dewasa tentang pengajaran, dan *daurah* mencadangkan beberapa topik yang akan membantu masyarakat dan perkembangan pemikiran Islam sebagai seorang Muslim.

*Daurah* juga diadakan sekali dalam setahun, sebagai aktiviti Dakwah Islamiah tahunan bagi Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani di mana para pentadbir dan guru-guru juga pegawai berusaha melaksanakan.

## **3. Metode Dakwah Islamiah Melalui Tulisan**

Metode dakwah Islamiah melalui tulisan yang dilaksanakan oleh Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani juga menumpu dan menyebar ilmu-ilmu agama sejak ditubuhkan Masjid ‘Abd al-Rahman dan peranannya secara penuh dalam penyebaran dakwah

Islamiah mengikut manhaj *Ahlu al-Sunnah wa al-Jama‘ah* kepada masyarakat setiap lapisan kategori seperti para imam-imam masjid, pegawai, pensyarah di universiti dan mahasiswa, kakitangan di pejabat-pejabat kerajaan, pendeta, intelek dan masyarakat umum yang bertujuannya untuk meningkatkan tahap kefahaman agama lebih tinggi lagi. Antara karya-karya tulisan dengan nama Majlis Ilmi diterbitkan atas nama pengarang Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia ialah : 1) Siri tafsir al-Dhikru al-Hakim 2) Siri tafsir al-Bayan 3) Karya-karya yang ditulis oleh Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia mengikut suasana keadaan semasa. baca, syarah dan disebar dalam Majlis Ilmi 4) Siri-siri Tazkirah Mingguan

Majlis Ilmi Mingguan ini diterbitkan Siri-siri Tazkirah Mingguan. Minhaj Ilmiah yang tetap ialah Tafsir al-Quran dan Hadith. Adapun Tafsir mulai Surah al-'Alaq, kemudian Surah al-Mudathisir, dan Surah al-Muzzammil mengikut sesuai susunan dengan turunnya ayat-ayat. Manakala Hadith dimulai dengan Hadith empat puluh oleh Imam al-Nawawi, dari Hadith awal sampai akhir bab.

Majlis Ilmi juga berusaha mengeluarkan Tazkirah Mingguan sejak awal berlakunya Majlis Ilmi yang mana ahli Majlis Ilmi mengikuti syarahan dari Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi. Tazkirah ini diberi nama dengan “Tazkirah Mingguan” mengandungi lapan halaman yang mempunyai beberapa ruangan termasuk : Ruangan Pembukaan Tazkirah ialah pembukaan pengenalan tajuk semasa, Ruangan ‘Akidah, Ruangan gambar-gambar hidup para sahabat Nabi ﷺ, Ruangan Muslimah, Ruangan Akhlak, pendapat ‘ulama seperti Imam mazhab empat, dan ditentukan dua halaman akhir untuk kondisi-kondisi berita Islam dan peristiwa-peristiwa semasa.

Tazkirah Mingguan ini diberikan secara percuma kepada ahli Majlis Ilmi dan disebarluaskan kepada masyarakat umum. Ia dicetak setiap minggu sebanyak tidak kurang dari dua ribu lima ratus sampai kepada empat ribu naskhah dalam seminggu. Harga pencetakan satu naskhah adalah satu bat. Walaubagaimanapun sumbangan wang adalah daripada ahli Majlis Ilmi sekitar dua ribu bat. Kira-kira biaya percetakan 52.000 bat dalam setahun. (Laporan penerbitan Tazkirah mingguan, keluar Majlis Ilmu. Braul, pujud, Patani, t.d, hlm : 1-2)

#### **4. Metode Dakwah Islamiah *bi al-Hal***

Di antara metode dakwah yang termasuk dalam kategori dakwah *bi al-Hal* yang dianjurkan oleh Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani ialah seperti berikut :

##### **1. Program ‘*Itikaf* sepuluh akhir Ramadhan**

Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani melaksanakan program-program ‘*Itikaf* pada sepuluh hari terakhir Ramadhan. Terdapat beberapa program tarbiah bagi pemuda, pelajar lelaki dan perempuan, orang-orang kampung yang berdekatan,

bahkan dari Wilayah Yala dan Narathiwat yang datang ke masjid untuk tujuan tumpuan ber‘Itikaaf selama sepuluh hari pada hari terakhir Ramadhan. Program ini menitikberatkan tentang kebesaran bulan Ramadhan, demi mengejar malam Lailatul al-Qadr yang lebih baik daripada seribu bulan. Di antara program yang di jalankan semasa ‘itikaaf tersebut meliputi pengajian berkaitan ilmu Tafsir, Hadith, ‘ulum al-Quran, ‘ulum al-Hadith, ‘Akidah dan sebagainya. Usaha ini memberi fokus kepada aspek tarbiah secara mendalam melalui pelajaran ilmu-ilmu tersebut pada masyarakat.

Dalam masa Majlis ‘Itikaf sepuluh hari akhir Ramadhan berlangsung Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia memberi penyampaian tafsir setiap hari selepas Solat Fajr sehingga dapat mengkhatamkan satu surah yang ditetapkan itu kerana tujuan tafsir yang diterapkan secara mendalam itu dapat mendengar beberapa kali oleh ahli Majlis ‘itikaf untuk menjadi gambaran hidup harian mengikut ajaran Allah dan Sunnah Rasul.

## **2. Program ‘*Imarah Masjid* dan *Qiyamulail***

Dalam hal ini, Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani juga menggalakkan pelajar-pelajar untuk menjalani Program ‘*Imarah Masjid* dan *Qiyamulail* supaya pelajar penerima manfaat daripada kegiatan itu sebagai persiapan ketika mereka kembali ke kampung mereka untuk menyebar Dakwah Islamiah sama ada ceramah, syarahan, pidato, dan mengadakan program ‘*Imarah Masjid* dan *Qiyamulail* untuk melakukan perbuatan baik dan nasihat yang bermanfaat kepada masyarakat kampung seterusnya. Kesan yang baik dan kesan positif bagi pelajar-pelajar tersebut dapat membuktikan diri mereka dalam menyebar dakwah Islamiah dalam erti kata menyeru kepada kebijakan dan mencegah kemungkaran dan sentiasa gaya hidup mereka mengikut Islam yang sempurna juga mendorong orang lain untuk manfaat ini.

Kegiatan ini dapat menerusi juga selepas mereka kembali kekampung mereka pada hari cuti mingguan. Dan dapat melaksanakan di masjid pada malam hari dengan beberapa ibadah dan menggalakkan penduduk kampung membaca al-Quran di samping memahami makna-maknanya. Hal ini adalah tujuan asasi bagi Pengarah Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani dalam menyebar dakwah Islamiah dan membantu pendakwah di dalam masyarakat untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan di masjid-masjid mereka.

## **5. Metode Dakwah Islamiah melalui Media Massa**

### **1. CD, kaset dan web**

Media Massa adalah satu saluran yang mengambil berat oleh Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani dalam dakwah Islamiah kepada masyarakat di selatan Thailand

khususnya dan di Thailand umumnya. Beliau mulai daftar kuliah pertama di Masjid ‘Ibd al-Rahman sejak dua puluh tahun iaitu pada 7 Rabi’ al-Awal 1407H. Dan mencatat semua kuliah, sesi mingguan, daurah, seminar, dan pertemuan-pertemuan awam di dalam siri kaset tidak berputus kecuali dalam tempoh tertentu. Dan memulakan rakaman audio suara Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia Bin Abdul Rahman Dalam kuliah pertama dalam pentafsiran Surah al-'Alaq dan Hadith empat puluh dan bermula pendaftaran melalui gambar bergerak serta menyiaran video dalam televisyen di dalam kawasan al-Rahmaniah supaya dapat mendengar dan melihat oleh semua yang hadir di Majlis Ilmi mingguan.

Adapun kaset rakaman ceramah dan pengajian mingguan di majlis Ilmi itu dijual untuk orang-orang yang dikehendaki dan ingin mendengar secara teratur dan teliti. Kerana pengajian Majlis Ilmi adalah sebuah program baru setiap minggu. Dan Syeikh tidak mengulang penyampaiannya. tetapi menghadiri dengan pelajaran baru dan kata-kata baru. kerana - seperti katanya dalam sebuah wawancara - bahawa Islam adalah agama yang mengandungi semua hal Jika mengulangi pelajaran dan mengatakan hal yang sama pada setiap minggu membawa kepada ahli Majlis Ilmi tidak menghadiri. Dan dari awal lagi Syeikh memperluas lingkup pengajian Islam, khususnya, di mana dinyatakan semua pendapat ‘ulama dalam semua masalah, sama ada masalah Fiqh, ‘Akidah dan lain-lain.

Jaringan elektronik itu dikeluarkan dan disiarkan semua kegiatan Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakiaal-Patani di masjid ‘Abd al-Rahman dari pengajian mingguan majlis Ilmi dan artikel atas nama “ [www.majlisilmi.com](http://www.majlisilmi.com) ”. Ini adalah tuntutan masyarakat supaya diadakan untuk mempromosikan nilai-nilai Islam yang demikian untuk mencapai tujuan sebagai berikut :

1. Menyebarluaskan pengajian Majlis Ilmi mingguan bagi Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia di berbagai-bagai Ilmu seperti Tafsir al-Quan dan ‘Ulum al-Quran, Hadith, ‘Akidah yang benar berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan Sunnah.
2. Untuk memperjelas gambaran sejati Islam supaya umat Islam memahami nilai-nilai agama. Hal ini dikeluarkan pada tahun 2004 sebuah buku berjudul “Islam adalah agama damai” antara nilai-nilai Islam dan keadilan.
3. Memberi perhatian pada isu-isu daripada semua umat Islam di setiap bidang.
4. Mementingkan penyebaran dakwah Islamiah kepada orang bukan Islam dengan cara yang sesuai. sehingga pembaca menemukan artikel ini dalam Bahasa Thai dan Melayu untuk menyatukan umat Islam di setiap lapisan masyarakat.

## **2. Rekaman radio**

Pada zaman moden ini banyak teknologi-teknologi yang dapat diambil faedah oleh organisasi dakwah dan pendakwah sendiri dalam menyampaikan penyebaran dakwah Islamiah seperti yang digunakan dalam laporan panggilan, dan audio dan video rakaman melalui televisyen, radio, kaset, CD dan lain tidak kurang penting daripada buku-buku yang dibaca kerana teknologi tersebut digunakan oleh kebanyakan masyarakat di zaman kini.

Pada tahun 2002M suara radio disiarkan ke udara setiap minggu melalui gelombang FM. 101 Mhz. di wilayah Pattani yang anjurkan oleh Abdullah bin Hassan, stesen radio ini dinamakan dengan “Radio Majlis Ilmi”. Hal ini bertujuan untuk berkhidmat kepada ahli Majlis Ilmi juga Masyarakat umumnya yang mengalami kesulitan dan susah untuk hadir di dalam Majlis secara langsung.

Adapun radio lain adalah stesen radio secara tidak langsung adalah gelombang ko.wo.so 100 Mhz Wilayah Yala. Dan disiar ke udara selama setengah jam pada hari Selasa setiap minggu, antara jam pukul lapan hingga lapan setengah malam bersama dengan suara radio Yala Islamic Universiti. Program ini disiarkan untuk pendengaran koleksi Muslim di tiga wilayah Selatan Thailand Narathiwat , Patani dan Yala

Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani memberi kepentingan terhadap tugas ini dengan mengadakan program tarbiah untuk mengangkatkan taraf para pendakwah supaya tulus ikhlas dan sabar di atas menghadapi beberapa kesulitan dan kesusahan dalam menyebar dakwah.

## **Simpulan**

Pertelingkahan dalam masyarakat Muslim berbilang kaum di Selatan Thailand sudah menjadi identiti Muslim. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia al-Patani berusaha menyebar dan mengajar pendekatan-pendekatan al-sunnah dan pengikutnya dapat diajar dakwah Islamiah. Usaha ini adalah sukar kerana terpaksa mengubahsuaikan tunjang pergerakan Islam yang sedia ada. Walaupun demikian, apa yang jelas, agenda beliau adalah seorang pembaharu, pemoden, dan pengatur asas (*reformist, modernist, dan fundamentalist*). Beliau berjaya dalam usaha pembaharuan perakuan pembatasan-pembatasan dakwah Islamiah tradisi dan kepentingan-kepentingan untuk dakwah Islamiah dalam membuat perhubungan dengan kemodenan. Pergerakan adalah pemoden kaedah yang bertujuan untuk integrasi berbagai tema pelajaran sekular seperti sains, teknologi, bisnes, dan kewangan itu dibawa masuk ke dalam sukatan pelajaran sekolah-sekolah agama sebagai usaha dakwah Islamiah beliau. Tambahan, agenda tersebut juga sebagai *fundamentalist* dalam kaedah menetapkan

Islam, dan berasas kepada al-Qur'an dan al-Hadith, yang pembaharu percayakannya sebagai prinsip-prinsip utama dalam ilmu moden, sebagai inti pergerakan pembaharu-pembaharu ajaran Islam.

### **Rumusan.**

Pertelingkahan dalam masyarakat Muslim berbilang kaum di Thailand sudah menjadi identiti Muslim. Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia berusaha mengajar pendekatan-pendekatan assunnah dan pengikutnya dapat diajar pendidikan Islam berbentuk reformasi. Usaha ini adalah sukar kerana terpaksa mengubahsuaikan tunjang pergerakan Islam yang sedia ada. Walaupun demikian, apa yang jelas, agenda Syeikh Profesor Doktor Ismail Lutfi Japakia adalah seorang pembaharu, pemoden, dan pengatur asas (*reformist, modernist, dan fundamentalist*). Beliau berjaya dalam usaha perbaharuan perakuan pembatasan-pembatasan pendidikan Islam tradisi dan kepentingan-kepentingan untuk reformasi dalam membuat perhubungan dengan kemodenan. Pergerakan adalah pemoden kaedah yang bertujuan untuk integrasi berbagai tema pelajaran sekular seperti sains, teknologi, bisnes, dan kewangan itu dibawa masuk kedalam sukatan pelajaran (curriculum) sekolah-sekolah agama sebagai usaha reformasi beliau. Tambahan, agenda tersebut juga sebagai *fundamentalist* dalam kaedah menetapkan Islam, dan berasas kepada Al-Qur'an dan Al-Hadith, yang pembaharu percayakannya sebagai prinsip-prinsip utama dalam ilmu moden, sebagai inti pergerakan pembaharu-pembaharu ajaran Islam.

# PENGUATAN DIPLOMASI ISLAM

**Bunyan Saptomo, MA.**

Mantan Dubes RI untuk Bulgaria/Sekjen Indonesian Society for OIC

## Pendahuluan

Diplomasi secara sederhana dapat diartikan sebagai kegiatan dalam hubungan internasional. Dalam melakukan kegiatan tersebut setiap negara mempunyai kepentingan dan tujuan yang ingin dicapai. Kepentingan dan tujuan yang ingin dicapai tersebut dirumuskan sebagai Politik Luar Negeri. Dalam pelaksanaannya muncul berbagai istilah yang berkaitan dengan diplomasi, seperti diplomasi perjuangan (diplomasi pada masa perjuangan kemerdekaan), diplomasi kebudayaan (untuk promosi kebudayaan), diplomasi ekonomi (untuk kepentingan ekonomi), preventif diplomasi (untuk mencegah perang), diplomasi total (menggunakan segala sumber daya), diplomasi publik (untuk pencitraan), dll.

Munculnya istilah Diplomasi Islam merupakan hal yang menarik untuk dibahas lebih lanjut. Pertanyaannya, apa sebenarnya yang dimaksud dengan Diplomasi Islam?. Paling tidak terdapat lima pengertian yang terkait dengan apa yang dimaksud dengan istilah Diplomasi Islam, yaitu:

1. Diplomasi menurut ajaran Islam,
2. Sejarah Diplomasi Islam,
3. Diplomasi oleh suatu Negara Islam,
4. Diplomasi oleh Organisasi Kerjasama Islam (OKI),
5. Diplomasi oleh Ormas Islam

Paper ini berusaha menjelaskan pengertian umum Diplomasi, pengertian dan masalah yang terkait dengan Diplomasi Islam, dan memberi saran untuk penguatan Diplomasi Islam.

## Pembahasan

### Diplomasi

Istilah diplomasi berasal dari kata: diplo (*folded in two*) + ma (*object*)= *folded document conferred a privilege, often travel permit* ([britannica.com](http://britannica.com)), yaitu dokumen penugasan/perjalanan untuk orang/pejabat yang diutus raja atau pemerintah. Kemudian istilah diplomasi berkembang menjadi beberapa pengertian yang terkait dengan hubungan antar

bangsa dan antar negara. Ada yang menyebut bahwa diplomasi adalah seni dan praktek dlm negosiasi antar bangsa, *the art and practice of conducting negotiations between nations* (*merriam-webster.com*). Ada juga yang berpendapat bahwa diplomasi adalah profesi, kegiatan atau ketrampilan dalam mengelola hubungan internasional, *the profession, activity, or skill of managing international relations* (*oxforddictionary.com*).

Sejalan dengan definisi *Oxford* bahwa diplomasi adalah “...skill of managing international relations” tsb, *Cambridge Dictionary* juga melihat diplomacy sebagai manajemen, yaitu:*the management of relations between countries* (*dictionary.cambridge.com*). Sedangkan RP Barson dalam bukunya “Modern Diplomacy” menyebut diplomasi adalah *the management of relations between states and other actors* (RP Barston). Hal ini didasari kenyataan bahwa kegiatan diplomasi yang dilakukan oleh setiap pemerintah di dunia inimengikuti fungsi manajemen. Menurut Henry Fayol kegiatan manajemen meliputi 5 fungsi, yaitu: *Planning, Organizing, Commanding/Actuating, Coordinating, dan Controlling.*

Di masa lampau diplomasi sepenuhnya merupakan domain pemerintah. Seorang duta adalah seorang yang sangat dipercaya oleh Sultan/Raja dikirim ke Kerajaan lain dengan kuasa penuh untuk melaksanakan misinya. Oleh sebab itu, seorang dutabesar diberi gelar “Luar Biasa dan Berkuasa Penuh”. Namun di masa kini, diplomasi bukan saja domain pemerintah, tetapi semakin banyak aktor non-pemerintah yg terlibat dalam diplomasi, termasuk universitas.

Dari uraian tersebut jelas bahwa diplomasi adalah kegiatan dalam hubungan internasional (HI) yang dilakukan oleh negara maupun aktor lainnya untuk mencapai kepentingan dan tujuan masing-masing. Secara sederhana teori HI yang begitu kompleks dapat dibagi pada 2 aliran, yaitu: aliran Idealis dan Realis. Aliran Idealis berpandangan bahwa HI hendaknya dilaksanakan berdasar etika, moral luhur dan ajaran agama untuk kemaslahatan umat manusia. Sedangkan aliran Realis berpandangan bahwa HI pada dasarnya adalah adu kekuatan (*power*), karena setiap negara atau aktor mempunyai kepentingan masing-masing yang sering berlawanan satu sama lain. Sesuai dengan pandangan tersebut, salah satu tokoh Realis, Hans Morgenthau, menyarankan suatu negara untuk dapat bertahan dan berkembang harus mengembangkan ‘*National Power*’ yang terdiri dari 8 elemen, yaitu: Militer, Ekonomi, Iptek (Industri), Geografi, SDA, Penduduk, National Character & Morale, kualitas pemerintah & diplomasi.

Dari 8 elemen national power tsb diantaranya adalah kualitas Pemerintah & Diplomasi. Kualitas diplomasi dapat dilihat dari bagaimana pejabat pemerintah dan diplomat

melaksanakan 5 fungsi diplomasi, yaitu: representasi, negosiasi, proteksi, promosi dan memastikan akurasi informasi (Vienna Convention on Diplomatic Relations).

## Diplomasi Islam

Sebagaimana telah disampaikan dalam pendahuluan bahwa paling tidak terdapat lima pengertian yang terkait dengan apa yang dimaksud dengan istilah Diplomasi Islam, yaitu: Diplomasi menurut ajaran Islam, Sejarah Diplomasi Islam, Diplomasi oleh suatu negara Islam, Diplomasi oleh Organisasi Kerjasama Islam (OKI), dan Diplomasi oleh Ormas Islam. Di sini saya hanya akan membahas 2 hal, yaitu: Diplomasi menurut ajaran Islam, dan Diplomasi oleh OKI.

Diplomasi menurut ajaran Islam adalah diplomasi menurut Al-Qur'an dan Sunnah Nabi. Tak dapat disangkal lagi bahwa dalam Al-Qur'an dan Sunnah Nabi terdapat ajaran yang terkait dengan *global governance, international relations* dan diplomasi. Karena saya bukan pakar Al-Qur'an dan Sunnah Nabi, di sini saya hanya ingin menampilkan ayat-ayat Al-Qur'an dan Sunnah Nabi yang terkait dengan global governance, international relations dan diplomasi:

### 1. *Global governance and international relations:*

- a. QS. Al-Baqarah 30: "...Aku akan menjadikan (manusia) khalifah di bumi...."
- b. QS. Al-Mulk 15: "Dialah Allah yg menjadikan bumi utk kamu yg mudah dijelajahi, maka pergilah ke segala penjurunya dan makanlah sebagian dari rezekiNya..."
- c. QS. Al-Ambia 107: "Dan Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) melainkan utk (menjadi) rahmat bagi seluruh alam."
- d. QS. Al-Hujurat 13: "...dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal..."

### 2. Diplomasi:

- a. QS. Al-Maidah 2: "...jangan sampai kebencian(mu) kepada suatu kaum... mendorongmu berbuat melampaui batas (kepada mereka). Dan tolong menolonglah kamu dalam kebijakan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan...".
- b. QS. An-Nahl 125: "Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dgn hikmah [kebenaran] dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik.."
- c. QS. Al-Fath 29: "Muhammad adalah utusan Allah, dan orang-orang yang menyertainya (sahabat) bersikap tegas kpd orang kafir, tapi bersikap lembut kepada sesamanya..."
- d. QS. Al-Hujurat 9: "Dan apabila ada 2 golongan orang beriman berperang, maka damaikanlah, bila salah satu dhalim maka perangilah yang dhalim..."

- e. Sunnah Nabi yang menonjol dalam diplomasi a.l. Piagam Madinah, Perjanjian Hudaibiyah, mengirim surat ke Kaisar Romawi, Kaisar Persia, para raja dan kepala suku di sekitar Jazirah Arab.

Diplomasi Islam pada intinya harus menunjukkan risalah Islam rohmatan lil Alamin, yaitu mengutamakan kerjasama dan perdamaian. Perang hanya dilakukan apabila sangat terpaksa. Dalam hubungannya sesama negara Islam seharusnya dapat dilakukan kerjasama yang lebih erat dan saling membantu, bukan saling bertikai/berperang. Tapi terlihat jelas bahwa ajaran diplomasi Islam tsb belum diamalkan, karena faktanya masih banyak terjadi perang antar negara/kelompok Islam.

### **Diplomasi oleh OKI**

Organisasi Konferensi Islam (OKI) berdiri pada tanggal 25 September 1969 karena dipicu oleh pembakaran Masjid Al-Aqsha pada tanggal 21 Agustus 1969. Dalam upaya memperkuat kerjasama, Pertemuan Tingkat Menlu OKI di Astana 28-30 Juni 2011 menyepakati untuk merubah nama menjadi Organisasi Kerjasama Islam (OKI). Saat ini anggota OKI berjumlah 57 negara. Ini merupakan organisasi Internasional/supranasional terbesar kedua (dalam hal jumlah anggota, jumlah penduduk dan luas wilayah) setelah Perserikatan Bangsa Bangsa (PBB).

Tujuan OKI dalam OIC Charter pasal.1 ([www.oic-oci.org](http://www.oic-oci.org)) a.l.:

1. Memperkuat solidaritas sesama anggota, melindungi kepentingan bersama, memastikan partisipasi aktif anggota dlm keputusan yg menjadi kepentingan bersama,
2. Mendukung perjuangan rakyat Palestina mendirikan negara merdeka dengan ibukota Al-Quds Al-Sharif.
3. Penguatan kerjasama ekonomi dan pembangunan menuju Islamic Common Market,
4. Membela Islam dari penistaan agama dan mendorong dialog antar agama dan peradaban,
5. Mendorong kerjasama antar anggota dlm berbagai bidang.
6. Sebagai organisasi, OKI mempunyai struktur yang mirip dengan organisasi internasional/supranasional lainnya, yaitu:
  7. Summit Meeting (pertemuan kepala negara/pemerintah/raja)
  8. Foreign Ministers Meeting
  9. Secretary General
10. Permanent Secretariat (in Jeddah)
11. Standing Committees (AlQuds, Info & Budaya, Ekonomi, Iptek)

12. Subsidiary bodies, eg. Islamic University in Bangladesh, Uganda, Niger.
13. Specialised Institutions, eg. International Islamic News Agency (IINA)
14. Affiliated Institutions, eg. World Islamic Economic Forum in KL (WIEF)

Meskipun sudah berusia lebih dari 50 tahun dan sudah berganti nama dari “Konperensi” menjadi “Kerjasama”, kinerja OKI tidak menggembirakan, bahkan menyedihkan. OKI bukan saja gagal untuk mencapai tujuan memperkuat solidaritas sesama anggota, tapi tak berdaya mencegah perang sesama anggotanya. OKI juga gagal membebaskan rakyat Palestina dari penjajahan Israel. Di bidang non-politik, mungkin OKI pada tingkat tertentu berhasil mencapai kemajuan, tapi kemajuan tersebut tidak terlihat signifikan. Secara ekonomi dan iptek mayoritas negara Islam masih terbelakang. Karena kelemahan tersebut, OKI belum bisa menjadi aktor yang diperhitungkan dalam hubungan internasional.

### **What to do?**

Mengingat kelemahan diplomasi negara-negara Islam yang tergabung dalam OKI tsb, perlu dilakukan upaya kolektif dan sistematis untuk penguatan Diplomasi Islam. Di antara upaya yang harus dilakukan adalah:

1. Meningkatkan upaya untuk menggalang persatuan dengan lebih mengefektifkan kerjasama politik di OKI
2. Meningkatkan power (kekuatan) negara Islam, khususnya kekuatan ekonomi dan iptek.
3. Meningkatkan kampanye Diplomasi Islami (sesuai ajaran Islam)
4. Meningkatkan peran NGO (P to P): akademisi Islam, ormas Islam, dan activist Islam lainnya.
5. Membentuk organisasi gerakan masyarakat: *International Society for Islamic Diplomacy*.
6. Membangun strategic partnership dengan negara besar, khususnya P-5.

### **DAFTAR PUSTAKA**

- Al-Qur'anul Karim (terjemahan)  
Modern Diplomacy, RP Barston, Longman, London, 1988  
OIC, [www.oic-oci.org](http://www.oic-oci.org)  
Vienna Convention on Diplomatic Relations, [www.legal.un.org](http://www.legal.un.org)

Diplomacy, britannica.com; merriam-webster.com; oxforddictionary.com;  
dictionary.cambridge.com

Fungsi Manajemen, Henry Fayol, jurnalmanajemen.com

Politic Among Nations, Hans J. Morgenthau, AA Knopf, NY 1948